

D.R. 12/2017

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PELANCONGAN 2017

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain
4. Pekhidmat awam
5. Kad kuasa, dsb., hendaklah dikemukakan

BAHAGIAN III

PENGENAAN CUKAI PELANCONGAN

6. Pengenaan cukai pelancongan
7. Kewajipan pengendali untuk memungut cukai pelancongan dan membayar cukai pelancongan yang dipungut kepada Ketua Pengarah
8. Kadar cukai pelancongan
9. Kuasa Menteri untuk mengecualikan

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

10. Tanggungan pengendali untuk berdaftar
11. Tanggungan pengendali yang mengendalikan premis penginapan sebelum kuat kuasa Akta untuk berdaftar
12. Pendaftaran pengendali
13. Pembatalan pendaftaran

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN V

INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

Fasal

14. Invois, resit atau dokumen lain
15. Pengeluaran invois, resit atau dokumen lain oleh komputer
16. Nota kredit dan nota debit
17. Kewajipan untuk menyimpan rekod
18. Tempoh bercukai
19. Pengemukaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan
20. Kuasa untuk mentaksir

BAHAGIAN VI

PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN MENDAPATKAN BALIK

21. Peremitan
22. Pembayaran balik cukai pelancongan, dsb., yang terlebih dibayar atau tersilap bayar
23. Pembayaran balik bagi hutang lapuk
24. Pemotongan daripada penyata bagi cukai pelancongan yang dibayar balik
25. Kuasa untuk memungut cukai pelancongan, dsb., daripada orang yang berhutang wang dengan pengendali
26. Pembayaran secara ansuran
27. Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., daripada orang yang meninggalkan Malaysia
28. Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., yang tersilap dibayar balik
29. Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., sebagai hutang sivil
30. Mendapatkan balik cukai pelancongan dalam hal keadaan lain
31. Tanggungan bersesama dan berasingan bagi pekongsi, pegawai, anggota jawatankuasa atau pengarah

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

32. Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan
33. Akses kepada tempat, premis, dsb.
34. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer

Fasal

35. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah
36. Penggeledahan boleh dibuat tanpa waran
37. Penyitaan buku, dokumen, dsb.
38. Kuasa menangkap

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

39. Penalti bagi menghalang, dsb., pegawai kastam
40. Penalti bagi penyata yang tidak betul
41. Penalti bagi pemungutan cukai pelancongan oleh orang yang tidak bertanggung untuk memungut cukai pelancongan
42. Penalti bagi pengelakan cukai pelancongan, fraud
43. Penalti bagi keengganan untuk menjawab soalan atau memberikan maklumat palsu
44. Percubaan dan pensubahatan
45. Penalti am
46. Kesalahan oleh kumpulan orang, dsb.
47. Kesalahan oleh pekerja atau ejen
48. Cukai pelancongan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

BAHAGIAN IX

PERBICARAAN DAN PROSIDING

49. Pendakwaan
50. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
51. Sabitan di bawah undang-undang lain
52. Peruntukan keterangan
53. Nilai keterangan salinan notis elektronik
54. Pemenjaraan kerana tidak membayar denda
55. Tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada penyitaan yang boleh didapatkan balik melainkan penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali
56. Pengkompaunan kesalahan
57. Perintah mahkamah

Fasal

58. Obligasi kerahsiaan
59. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

BAHAGIAN X

PELBAGAI

60. Orang yang terikat untuk mengemukakan buku, dsb., atau memberikan maklumat, dsb.
61. Penyampaian notis, dsb.
62. Penggunaan perkhidmatan elektronik
63. Pengesahan notis, dsb.
64. Bayaran pos percuma
65. Penjalanan urusan bagi pihak pengendali
66. Borang yang hendak digunakan
67. Pertikaian dan rayuan
68. Penyelesai syarikat hendaklah memberikan notis penggulangan, dan mengasingkan cukai pelancongan
69. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah
70. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pelancongan 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5 Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [*Akta 680*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“komputer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang” termasuklah orang perseorangan, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan, suatu syarikat dan kumpulan orang yang lain;

“pegawai kanan kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pegawai kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pelancong” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*];

“pengendali” ertinya mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan;

“premis penginapan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992;

“surcaj” ertinya surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 26;

“tempoh bercukai” ertinya tempoh yang dinyatakan dalam seksyen 18.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain

3. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawasi segala perkara yang berhubungan dengan cukai pelancongan, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan dan pengawasan am Ketua Pengarah, semua pegawai kastam yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 dan yang memegang pangkat Penguasa atau apa-apa pangkat yang lebih tinggi daripada pangkat Penguasa, hendaklah mempunyai dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini selain kuasa yang diberikan oleh seksyen 21 dan 66.

(3) Menjadi kewajipan mana-mana pegawai kastam untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan yang sewajarnya peruntukan Akta ini dan untuk membuat segala penyiasatan yang sewajarnya berhubung dengannya.

(4) Tiap-tiap orang yang diguna khidmat bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai pelancongan dengan perintah atau persetujuan Ketua Pengarah, sama ada dinyatakan sebelumnya atau kemudiannya, hendaklah disifatkan sebagai pegawai yang hak bagi kewajipan atau perkhidmatan itu.

Pekhidmat awam

4. Semua pegawai awam semasa melaksanakan apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai pelancongan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kad kuasa, dsb., hendaklah dikemukakan

5. (1) Tiap-tiap pegawai kastam apabila melaksanakan kewajipannya hendaklah, jika tidak beruniform, apabila diminta oleh mana-mana orang, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang itu kad kuasa atau lencana yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967.

(2) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai kastam yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan untuk mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa atau lencananya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.

BAHAGIAN III

PENGENAAN CUKAI PELANCONGAN

Pengenaan cukai pelancongan

6.(1) Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai pelancongan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seseorang pengendali pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 8.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), adalah menjadi kewajipan pelancong itu untuk membayar cukai pelancongan itu kepada pengendali itu.

(3) Jika lebih daripada seorang pelancong menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama dan cukai pelancongan bagi penginapan itu telah dibayar oleh salah seorang daripada pelancong itu, pelancong yang lain yang menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama tidak bertanggungjawab untuk membayar cukai pelancongan bagi penginapan itu.

Kewajipan pengendali untuk memungut cukai pelancongan dan membayar cukai pelancongan yang dipungut kepada Ketua Pengarah

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen 6(2), adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pengendali yang menyediakan penginapan kepada seseorang pelancong di suatu premis penginapan untuk memungut cukai pelancongan daripada pelancong itu.

(2) Tiap-tiap pengendali hendaklah membayar cukai pelancongan yang dipungut atau bertanggung untuk dipungut di bawah Akta ini kepada Ketua Pengarah.

Kadar cukai pelancongan

8. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan kadar cukai pelancongan yang hendak dikenakan dan dilevikan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “menetapkan” termasuklah “menaikkan” atau “mengurangkan”.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya dan hendaklah, apabila habis tempoh satu ratus dua puluh hari dari tarikh perintah itu dibentangkan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diarahkan oleh Dewan Rakyat melalui ketetapan, terhenti berkuat kuasa jika dan setakat yang ia tidak disahkan melalui ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari itu atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan itu.

(4) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), apa-apa cukai pelancongan yang dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu atau apa-apa bahagian daripada cukai pelancongan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada peruntukan subseksyen (5), kena dibayar balik kepada orang yang membayar cukai pelancongan itu.

(5) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai pelancongan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) boleh dibayar balik melainkan jika orang yang membayar cukai pelancongan itu membuat tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa keseluruhannya atau sebahagiannya dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Kuasa Menteri untuk mengecualikan

9. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dalam mana-mana kes tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan —

- (a) mengecualikan mana-mana pelancong atau golongan pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada cukai pelancongan;
- (b) mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada memungut keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada cukai pelancongan; atau
- (c) mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada kehendak untuk berdaftar di bawah Bahagian IV.

(2) Menteri boleh, dalam mana-mana kes tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan, mengecualikan mana-mana orang daripada keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN IV**PENDAFTARAN****Tanggungjawab pengendali untuk berdaftar**

10. (1) Tiap-tiap pengendali hendaklah bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta ini dan bagi maksud itu hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengendali itu mengendalikan premis penginapan.

(3) Mana-mana pengendali yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab pengendali yang mengendalikan premis penginapan sebelum permulaan kuat kuasa Akta untuk berdaftar

11. (1) Tiap-tiap pengendali yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Bahagian ini mengendalikan premis penginapan hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Bahagian ini, memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Mana-mana pengendali yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran pengendali

12. (1) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan mana-mana pengendali yang membuat permohonan di bawah seksyen 10 atau 11 berkuat kuasa dari hari pertama bulan yang berikutnya selepas permohonan dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun seksyen 10 dan 11, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftar—

(a) mana-mana pengendali yang mengendalikan premis penginapan yang didaftarkan sebagai premis penginapan pelancong di bawah seksyen 31c Akta Industri Pelancongan 1992; atau

(b) mana-mana pengendali yang tidak berdaftar di bawah subseksyen (1) atau perenggan (a),

berkuat kuasa dari hari pertama bulan yang berikutnya selepas maklumat yang berhubungan dengan perenggan (a) atau (b) diketahui oleh atau diberitahu kepada Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu orang yang didaftarkan di bawah seksyen ini mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pembatalan pendaftaran

13. (1) Pengendali yang berhenti mengendalikan premis penginapan atau dikecualikan di bawah seksyen 9 hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang hakikat itu dan tarikhnya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian atau pengecualian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apabila pemberitahuan di bawah subseksyen (1) diterima, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran pengendali itu dari tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V**INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN****Invois, resit dan dokumen lain**

14. (1) Tiap-tiap pengendali hendaklah mengeluarkan suatu invois, resit atau dokumen lain dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris kepada pelancong berkenaan dengan penginapan yang disediakan dan hendaklah menyatakan kadar dan amaun cukai pelancongan yang kena dibayar secara berasingan daripada caj bagi penginapan yang disediakan oleh pengendali.

(2) Tiada invois, resit atau dokumen lain yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai cukai pelancongan boleh dikeluarkan oleh seseorang yang bukan seorang pengendali.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, dan seksyen 15 dan 30, sebutan mengenai “dokumen lain” termasuklah pesanan tempatan dan penyata akaun.

Pengeluaran invois, resit atau dokumen lain oleh komputer

15. Bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah Akta ini berhubung dengan suatu invois, resit, atau dokumen lain, seseorang pengendali hendaklah dikira sebagai telah mengeluarkan suatu

invois, resit atau dokumen lain kepada seseorang pelancong jika butir-butir yang diperlukan telah dirakamkan dalam komputer dan—

- (a) dihantar atau dijadikan tersedia kepada pelancong melalui cara elektronik; atau
- (b) dikeluarkan atas apa-apa bahan dan bahan itu diserahkan kepada pelancong itu.

Nota kredit dan nota debit

16. Jika seseorang pengendali mengeluarkan suatu nota kredit atau nota debit yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan dalam hal keadaan dan mengikut syarat yang ditetapkan, pengendali itu hendaklah membuat pelarasan dalam penyatanya dengan sewajarnya.

Kewajipan untuk menyimpan rekod

17. (1) Tiap-tiap pengendali hendaklah menyimpan rekod yang lengkap, benar dan kemas kini bagi segala transaksi yang menyentuh atau mungkin menyentuh tanggungannya untuk memungut cukai pelancongan dalam buku akaun atau rekod lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa rekod yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah—

- (a) dipelihara bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh terakhir yang berkaitan dengan rekod itu;
- (b) dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris; dan
- (c) disimpan di Malaysia, kecuali jika diluluskan selainnya oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut.

(3) Jika rekod itu adalah dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara yang membolehkan rekod itu menjadi tersedia boleh diakses dan ditukar ke dalam tulisan.

(4) Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk manual dan kemudiannya ditukar ke dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum pertukaran itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tempoh bercukai

18. (1) Tempoh bercukai bagi cukai pelancongan hendaklah suatu tempoh tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan bagi mana-mana tahun kalendar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pengendali yang telah diberikan tempoh bercukai bagi maksud Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] hendaklah diberikan tempoh bercukai yang sama bagi maksud Akta ini.

Pengemukaan penyata dan pembayaran cukai pelancongan

19. (1) Tiap-tiap pengendali hendaklah, berkenaan dengan tempoh bercukainya, mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima dalam suatu penyata sebagaimana yang ditetapkan dan penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai pengendali itu yang berkaitan dengan penyata itu.

(2) Jika keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada cukai pelancongan tidak diterima oleh pengendali daripada pelancong dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh inois bagi penginapan yang disediakan, pengendali hendaklah mengakaunkan cukai pelancongan itu dalam penyata dalam tempoh bercukai yang berikutnya selepas berakhirnya tempoh dua belas bulan kalendar itu dan penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan.

(3) Mana-mana pengendali yang terhenti daripada berdaftar di bawah seksyen 12 hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas terhenti daripada berdaftar atau apa-apa tarikh yang kemudian dari itu sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua

Pengarah, mengemukakan suatu penyata yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan bahagian tempoh bercukai yang terakhir yang pengendali itu berdaftar.

(4) Mana-mana pengendali yang dikehendaki untuk mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen ini hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar oleh pengendali berkenaan dengan tempoh bercukai yang berkaitan dengan penyata itu tidak lewat dari hari terakhir yang pengendali itu dikehendaki untuk mengemukakan penyata itu.

(5) Penyata yang disebut dalam subseksyen (1), (2) dan (3) hendaklah dikemukakan sama ada atau tidak terdapat cukai pelancongan yang kena dibayar.

(6) Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan penyata sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(7) Mana-mana pengendali yang gagal membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(8) Jika apa-apa cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana pengendali selepas hari terakhir yang ia genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) dan tiada pendakwaan dimulakan, pengendali hendaklah membayar—

(a) bagi tempoh tiga puluh hari yang pertama yang cukai pelancongan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai pelancongan itu yang masih belum dibayar;

(b) bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua yang cukai pelancongan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai pelancongan itu yang masih belum dibayar; dan

(c) bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga yang cukai pelancongan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai pelancongan itu yang masih belum dibayar.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (11), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (8)(c).

(10) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa mana-mana pengendali yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (7) hendaklah membayar penalti sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (8).

(11) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan terhadap pengendali yang telah membayar amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang ditentukan dalam subseksyen (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (8).

Kuasa untuk mentaksir

20. (1) Jika mana-mana pengendali—

(a) gagal untuk memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 10 atau 11;

(b) gagal untuk mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 19; atau

(c) mengemukakan suatu penyata yang ternyata kepada Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul,

Ketua Pengarah boleh mentaksir mengikut pertimbangan terbaik Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar oleh, dan penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 19(8), jika ada, oleh, pengendali dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu pengendali itu tentang taksiran itu secara bertulis.

(2) Taksiran di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh cukai pelancongan itu genap masa dan kena dibayar.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berkaitan dengan atau berhubung dengan cukai pelancongan, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai pelancongan yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran sengaja itu, membuat taksiran pada bila-bila masa.

(4) Jika—

- (a) Ketua Pengarah telah membuat taksiran di bawah subseksyen (1);
- (b) cukai yang ditaksir itu telah dibayar tetapi tiada penyata telah dikemukakan bagi tempoh yang berkaitan dengan taksiran itu; dan
- (c) pengendali gagal untuk mengemukakan suatu penyata bagi apa-apa tempoh bercukai yang berikutnya,

Ketua Pengarah boleh mentaksir cukai pelancongan itu pada suatu amaun yang lebih tinggi yang difikirkannya patut.

(5) Jika Ketua Pengarah mentaksir cukai pelancongan pada suatu amaun yang lebih tinggi di bawah subseksyen (4), Ketua Pengarah boleh membuat taksiran tambahan dan hendaklah memberitahu pengendali sewajarnya secara bertulis.

(6) Jika amaun cukai pelancongan dan penalti, jika ada, telah ditaksirkan dan diberitahu kepada mana-mana pengendali di bawah subseksyen (1) atau (5), amaun itu hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar dan penalti, jika ada, yang kena dibayar dan amaun itu hendaklah dibayar oleh pengendali, kecuali setakat yang taksiran itu ditarik balik atau dikurangkan.

(7) Amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen (6) hendaklah dibayar oleh pengendali sama ada atau tidak pengendali itu merayu terhadap taksiran itu.

(8) Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa pengubahan atau tambahan kepada taksiran yang dibuat di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan ketepatan taksiran itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu pengendali itu secara bertulis.

BAHAGIAN VI

PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN MENDAPATKAN BALIK

Peremitan

21. (1) Menteri boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini jika difikirkannya patut.

(2) Ketua Pengarah boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini jika difikirkannya patut.

(3) Jika seseorang yang telah diberi peremitan di bawah subseksyen (1) atau (2) telah membayar apa-apa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang berhubungan dengan peremitan itu, orang itu berhak kepada suatu pembayaran balik amaun cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang telah dibayar itu.

Pembayaran balik cukai pelancongan, dsb., terlebih bayar atau tersilap bayar

22. (1) Mana-mana orang yang terlebih bayar atau tersilap bayar apa-apa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain boleh membuat suatu tuntutan baginya dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh enam tahun dari masa pembayaran lebih atau pembayaran tersilap itu berlaku.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Ketua Pengarah boleh membayar balik cukai pelancongan, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sepatutnya.

(3) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik yang dituntut di bawah seksyen ini setakat yang pembayaran balik itu akan dengan tidak patut mengayakan orang yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Suatu tuntutan di bawah seksyen ini hendaklah disokong dengan apa-apa keterangan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(5) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tuntutan untuk pembayaran balik di bawah seksyen 8.

Pembayaran balik bagi hutang lapuk

23. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pengendali yang berhenti atau telah berhenti mengendalikan premis penginapan boleh membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah untuk pembayaran balik keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai pelancongan yang dibayar oleh pengendali itu sekiranya—

(a) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada bayaran bagi penginapan yang kena dibayar kepada pengendali itu telah dihapus kira dalam akaun pengendali sebagai hutang lapuk; dan

(b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa segala usaha yang munasabah telah dibuat oleh pengendali itu untuk mendapatkan balik bayaran bagi penginapan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika sebahagian daripada bayaran bagi penginapan yang kena dibayar yang diterima oleh pengendali adalah bersamaan dengan atau lebih daripada cukai pelancongan yang dibayar.

(3) Jika pengendali yang disebut dalam subseksyen (1) tidak menerima apa-apa bayaran bagi penginapan yang kena dibayar kepada pengendali itu, Ketua Pengarah boleh membenarkan pembayaran balik itu dibuat kepada pengendali.

(4) Jika suatu tuntutan bagi pembayaran balik dibuat berhubung dengan sebahagian daripada bayaran bagi penginapan yang dihapus kira, amaun cukai pelancongan yang boleh dibayar balik ialah perbezaan antara cukai pelancongan yang dibayar dengan bayaran bagi penginapan yang diterima.

(5) Jika pembayaran balik cukai pelancongan telah dibuat di bawah seksyen ini oleh Ketua Pengarah kepada seorang pengendali dan apa-apa bayaran berkenaan dengan penginapan yang baginya cukai pelancongan itu kena dibayar kemudiannya diterima oleh pengendali itu, pengendali itu hendaklah membayar balik kepada Ketua Pengarah—

- (a) keseluruhan cukai pelancongan yang dibayar balik sekiranya amaun yang kemudiannya diterima berkenaan dengan penginapan yang disediakan itu adalah bersamaan dengan atau lebih daripada amaun cukai pelancongan yang dibayar balik; atau
- (b) suatu amaun yang bersamaan dengan amaun yang kemudiannya diterima berkenaan dengan penginapan yang disediakan itu sekiranya amaun yang diterima itu adalah kurang daripada amaun cukai pelancongan yang dibayar balik.

(6) Subseksyen (5) hendaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana bahagian bayaran yang diterima selepas pembayaran balik dibuat menurut perenggan (5)(b) selagi jumlah bayaran yang kemudiannya diterima itu tidak melebihi amaun cukai pelancongan yang dibayar balik dan sebutan tentang “amaun cukai pelancongan yang dibayar balik” dalam perenggan 5(a) dan (b) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang “baki amaun cukai pelancongan yang dibayar balik”.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “hutang lapuk” ertinya amaun tertunggak bagi bayaran bagi penginapan termasuk cukai pelancongan yang kena dibayar kepada pengendali tetapi belum dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan balik oleh, pengendali itu.

Pemotongan daripada penyata bagi cukai pelancongan yang dibayar balik

24. (1) Ketua Pengarah boleh meluluskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, sesuatu permohonan oleh mana-mana pengendali untuk memotong dari

semasa ke semasa daripada penyata cukai pengendali itu yang disebut dalam subseksyen 19(1) amaun pelancongan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dibayar balik kepada pelancong oleh sebab—

- (a) pembatalan penginapan; atau
- (b) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali hendaklah membuat potongan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam masa satu tahun selepas pembayaran balik cukai pelancongan itu dibuat, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Kuasa untuk memungut cukai pelancongan, dsb., daripada orang yang berhutang wang kepada pengendali

25. (1) Jika apa-apa cukai pelancongan genap masa dan kena dibayar, atau apa-apa penalti, surcaj atau wang lain kena dibayar, oleh seseorang pengendali, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki—

- (a) mana-mana orang yang olehnya apa-apa wang kena dibayar atau terakru atau boleh menjadi kena dibayar kepada pengendali;
- (b) mana-mana orang yang memegang atau boleh kemudiannya memegang wang bagi atau bagi pihak pengendali; atau
- (c) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada seseorang lain untuk membayar wang kepada pengendali,

untuk membayar kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta atau dalam tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, wang itu yang bukan merupakan gaji atau upah yang kena dibayar kepada pengendali atau sebanyak wang itu yang cukup untuk membayar cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar, jika ada, oleh pengendali.

(2) Sesalinan notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada pengendali di alamat terakhirnya yang diketahui.

(3) Semua pembayaran yang dibuat menurut suatu notis di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibuat bagi pihak pengendali itu dan dengan kebenaran pengendali itu dan dengan kebenaran semua orang lain yang berkenaan.

Pembayaran secara ansuran

26. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan apa-apa cukai pelancongan atau penalti dibayar secara ansuran, dalam hal keadaan yang ditetapkan mengikut apa-apa amaun dan pada apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika cukai pelancongan dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti di bawah subseksyen 19(8) hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran itu.

(3) Jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran mana-mana satu ansuran pada tarikh genap masanya bagi pembayaran baki amaun yang genap masa dan kena dibayar, keseluruhan amaun yang tertunggak itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung untuk membayar amaun yang genap masa dan kena dibayar itu, menjadi tertakluk kepada suatu surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan seolah-olah surcaj itu kena dibayar di bawah Akta ini.

Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., daripada orang yang meninggalkan Malaysia

27. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

(a) apa-apa cukai pelancongan yang kena dibayar olehnya;

(b) apa-apa penalti yang kena dibayar olehnya di bawah seksyen 19;

- (c) apa-apa surcaj yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 26; atau
- (d) apa-apa wang lain yang boleh didapatkan daripadanya di bawah Akta ini,

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada mana-mana Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi butir-butir mengenai cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian dengan suatu permintaan supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga orang itu membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sedemikian, atau memberikan cagaran yang memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen, mana-mana Pengarah Imigresen yang menerima suatu permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan seseorang hendaklah menjalankan segala langkah yang boleh termasuk pengambilan dan penyimpanan apa-apa perakuan pengenalan, passport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain berhubung dengan orang itu sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan suatu notis mengenai pengeluaran suatu perakuan di bawah subseksyen (1) disampaikan secara kediri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang baginya perakuan itu berkaitan.

(4) Ketidakterimaan notis yang disebut dalam subseksyen (3) tidak boleh menidaksahkan apa-apa yang dibuat di bawah seksyen ini.

(5) Jika orang yang berkenaan dengannya suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan pada atau selepas tarikh perakuan itu suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa semua cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang dinyatakan dalam perakuan itu telah dibayar, atau bahawa cagaran telah diberikan bagi pembayarannya, pernyataan itu hendaklah menjadi kuasa yang cukup bagi membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(6) Tiada apa-apa prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap Kerajaan Persekutuan, suatu Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam lain berkenaan dengan apa-apa yang dibuat dengan sah di bawah seksyen ini.

(7) Dalam seksyen ini, “Pengaroh Imigresen” ertinya Pengarah Imigresen yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) Akta Imigresen 1959/1963 [*Akta 155*].

Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., yang tersilap dibayar balik

28. (1) Jika apa-apa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain selepas dibayar telah tersilap dibayar balik kepada mana-mana orang, orang itu hendaklah membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain yang tersilap dibayar balik kepadanya apabila suatu tuntutan dibuat oleh Ketua Pengarah.

(2) Tuntutan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam tempoh enam tahun dari tarikh pembayaran balik itu dibuat.

Mendapatkan balik cukai pelancongan, dsb., sebagai suatu hutang sivil

29. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain, apa-apa cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar dan apa-apa penalti, surcaj atau apa-apa wang lain yang kena dibayar, oleh pengendali di bawah Akta ini boleh didapati balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Dalam apa-apa prosiding untuk mendapatkan balik cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain, jika ada, di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan nama dan alamat pengendali dan amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar, jika ada, oleh pengendali hendaklah menjadi keterangan yang cukup bagi amaun yang kena dibayar sedemikian olehnya dan kuasa yang cukup bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

(3) Apa-apa penalti atau surcaj yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [Akta 254], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] atau Ordinan Had Masa Sarawak [*Sarawak Bab 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan balik seolah-olah penalti atau surcaj itu ialah cukai pelancongan yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan yang demikian subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai bagi penalti atau surcaj itu.

Mendapatkan balik cukai pelancongan dalam hal keadaan lain

30. (1) Jika suatu invois, resit atau dokumen lain menunjukkan suatu penyediaan penginapan sebagai telah berlaku dengan cukai pelancongan yang boleh dikenakan ke atasnya, maka hendaklah boleh didapatkan balik daripada orang yang mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain itu suatu amaun yang bersamaan dengan amaun yang ditunjukkan pada invois, resit atau dokumen lain itu sebagai cukai pelancongan bagi penyediaan penginapan itu.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai walaupun—

- (a) invois, resit atau dokumen lain itu, yang menyatakan suatu amaun yang berupa sebagai cukai pelancongan sebagai dikenakan, bukan suatu invois, resit atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah seksyen 14;
- (b) invois, resit atau dokumen lain itu telah dikeluarkan oleh seseorang yang bukan seorang pengendali dan yang telah menyediakan penginapan yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai pelancongan telah dikenakan; atau
- (c) invois, resit atau dokumen lain itu telah dikeluarkan oleh seseorang yang telah menyediakan suatu produk atau perkhidmatan selain penginapan yang baginya suatu amaun yang berupa sebagai cukai pelancongan telah dikenakan,

dan apa-apa amaun yang berupa sebagai cukai pelancongan hendaklah dibayar dengan serta-merta oleh orang itu kepada Ketua Pengarah dan, jika dia ingkar membayarnya, amaun itu boleh didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Tanggungjawab bersama dan berasingan bagi pekongsi, pegawai, anggota jawatankuasa atau pengarah

31. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini atau dalam mana-mana Akta lain, jika cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar oleh suatu firma, pertubuhan, persatuan, syarikat dan tiap-tiap kumpulan orang yang lain, pekongsi kepada firma itu, pegawai atau anggota jawatankuasa pertubuhan atau persatuan itu, pengarah syarikat itu atau kumpulan orang yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, bersama-sama dengan firma, pertubuhan, persatuan, syarikat atau kumpulan orang yang lain itu secara bersama dan berasingan bertanggungjawab bagi cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain itu.

(2) Berhubung dengan sesuatu syarikat yang sedang digulungan, pengarah syarikat itu hanya bertanggungjawab sedemikian jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang kena dibayar, selepas membayar apa-apa jumlah yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu berbanding cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain itu.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

32. Bagi maksud Akta ini, seorang pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa yang sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukannya pengurangannya.

Akses kepada tempat, premis, dsb.

33. (1) Mana-mana pegawai kanan kastam hendaklah bagi maksud Akta ini pada setiap masa mempunyai akses penuh dan bebas kepada mana-mana tempat atau premis yang mana-mana orang menjalankan perniagaan yang berhubungan dengan pengendalian premis penginapan.

(2) Jika mana-mana pegawai kanan kastam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), orang yang mengendalikan premis penginapan atau mana-mana orang lain yang berada di tempat atau premis itu pada masa kemasukan itu hendaklah memberikan kepada pegawai kanan kastam itu segala kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi penjalanan kewajipannya di bawah seksyen ini.

(3) Jika mana-mana pegawai kanan kastam memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut seksyen ini, dia boleh—

- (a) menghendaki pengendali atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang berhubungan dengan perniagaan pengendali itu dan apa-apa rekod yang dikehendaki untuk disimpan di bawah seksyen 17;
- (b) memeriksa apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain;
- (c) menyita dan menahan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain jika pada pendapatnya ia boleh menjadi keterangan bagi pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) menghendaki orang itu untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain; atau
- (e) membuat salinan atau cabutan apa-apa dokumen, jika difikirkannya perlu.

(4) Mana-mana orang yang enggan untuk membenarkan mana-mana pegawai kanan kastam untuk memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer

34. (1) Mana-mana pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada yang disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah Bahagian ini—

(a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang pegawai kastam itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(b) boleh menghendaki—

(i) orang yang pegawai kastam itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki menggunakan atau telah menggunakan komputer itu sedemikian atau bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau

(ii) orang yang bertanggungjawab bagi, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu,

untuk memberi pegawai kastam itu bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berekod atau data berkomputer itu difahami.

Majistret boleh mengeluarkan waran geledah

35. (1) Apabila ternyata pada mana-mana Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat atau

premis, terdapat apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang disembunyikan atau disimpan yang boleh menjadi keterangan bagi pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kastam yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila masa dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki tempat atau premis itu dan untuk menggeledah dan menyita buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain; atau
- (b) untuk menangkap mana-mana orang yang berada di dalam tempat atau premis yang dalam milikannya buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu ditemui atau yang disyaki dengan munasabah sebagai telah menyembunyikan atau menyimpan buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu.

(2) Pegawai kastam yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam tempat atau premis itu dan memasuki tiap-tiap bahagiannya, jika perlu dengan kekerasan;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan untuk menggeledah atau menyita sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan
- (c) menahan tiap-tiap orang yang ditemui di dalam tempat atau premis itu sehingga pengeledahan itu selesai.

Pengeledahan boleh dibuat tanpa waran

36. Apabila ternyata pada pegawai kanan kastam bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat atau premis, ada disembunyikan atau disimpan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang boleh menjadi keterangan bagi pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh kerana kelewatan dalam memperoleh sesuatu waran geledah buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu mungkin dialihkan, dia boleh menjalankan dalam, ke

atas dan berkenaan dengan, tempat atau premis itu segala kuasa di bawah seksyen 33 mengikut cara yang sama seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian melalui suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Penyitaan buku, dokumen, dsb.

37. (1) Semua buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang berkenaan dengannya pegawai kastam mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah berlaku apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini dan apa-apa bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang dalamnya buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu dijumpai atau telah digunakan berkaitan dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan apa-apa buku lain, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang dipercayai dengan munasabah sebagai mempunyai kaitan dengan kes itu, boleh disita oleh mana-mana pegawai kastam.

(2) Apabila mana-mana buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain disita di bawah Akta ini, pegawai kastam hendaklah dengan serta-merta memberikan notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan mengenainya kepada pemunya buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu, jika diketahui, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepadanya secara sendiri atau menyerahkan notis itu melalui pos ke tempat kediamannya, jika diketahui.

(3) Peruntukan seksyen ini yang berhubungan dengan penyitaan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain hendaklah terpakai bagi semua kandungan apa-apa bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang dalamnya buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu dijumpai dan bagi apa-apa barang yang digunakan untuk menyembunyikan buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu.

Kuasa menangkap

38. (1) Mana-mana pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran —

(a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau mengambil khidmat atau membantu mana-mana orang untuk melakukan atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;

- (b) mana-mana orang yang disyaknya dengan munasabah mempunyai dalam miliknya apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang boleh disita di bawah Akta ini; atau
- (c) mana-mana orang yang disyaknya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini,

dan pegawai kastam itu boleh memeriksa atau menyebabkan untuk diperiksa mana-mana orang yang ditangkap sedemikian.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) mana-mana orang yang ditangkap oleh seorang pegawai kastam yang meminta supaya dirinya diperiksa dengan kehadiran seorang pegawai kanan kastam tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadiran dan di bawah penyeliaan pegawai kanan kastam itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai kanan kastam itu, atau dibawa ke mana-mana pejabat atau balai polis yang pegawai kanan kastam itu boleh ditemui;
- (b) apa-apa barang kepunyaan mana-mana orang yang meminta dirinya hadir semasa barang itu diperiksa dan dia menghadirkan dirinya dalam masa yang munasabah tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadirannya; dan
- (c) tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan mengambil kira dengan tegas tentang kesopanan.

(3) Mana-mana pegawai kastam yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

(4) Jika mana-mana orang yang boleh ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa dia melakukan kesalahan yang dia bertanggung baginya, atau selepas ditangkap dia melepaskan dirinya, dia boleh ditangkap pada bila-bila masa selepas itu dan diperlakukan seolah-olah dia telah ditangkap pada masa melakukan kesalahan itu.

(5) Tiap-tiap orang yang ditangkap boleh dilepaskan daripada jagaan—

- (a) apabila dia menandatangani sejumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan kastam;
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon dengan penjamin sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan kastam; atau
- (c) apabila dia menandatangani sejumlah wang yang munasabah yang dikehendaki oleh pegawai kanan kastam dan dia menyempurnakan suatu bon dengan penjamin sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan kastam.

(6) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (5) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai kastam—

- (a) jika pegawai kastam itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu dilepaskan atau selainnya dibenarkan untuk dijamin telah atau berkemungkinan akan dimungkiri; atau
- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu berkemungkinan akan memungkiri mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu berhasrat untuk dilepaskan daripada tanggungjawabnya sebagai penjamin.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

Penalti bagi menghalang, dsb., pegawai kastam

39. Mana-mana orang yang—

- (a) dengan apa-apa cara mengamang, menggalang atau menghalang pegawai kastam dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini; atau

- (b) gagal memberikan kemudahan atau bantuan yang munasabah kepada mana-mana pegawai kastam dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Penalti bagi penyata yang tidak betul

40. Mana-mana orang yang membuat suatu penyata yang tidak betul atau memberikan apa-apa maklumat yang tidak betul berhubung dengan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungannya untuk memungut cukai pelancongan atau cukai pelancongan yang dipungut melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) jika kesalahan itu berhubung dengan cukai pelancongan yang terkurang dikenakan, dikenakan suatu penalti yang bersamaan dengan amaun cukai pelancongan yang telah terkurang dikenakan atau berkemungkinan akan terkurang dikenakan sekiranya penyata atau maklumat itu telah diterima sebagai betul.

Penalti bagi pemungutan cukai pelancongan oleh orang yang tidak bertanggung untuk memungut cukai pelancongan

41. (1) Tiada seorang pun boleh memungut daripada mana-mana orang apa-apa jumlah wang bagi maksud membayar cukai pelancongan yang dikenakan dan dilevikan di bawah Akta ini berkenaan dengan apa-apa penginapan yang disediakan olehnya atau bagi pihaknya melainkan jika dia bertanggung di bawah Akta ini untuk memungut cukai pelancongan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penalti bagi pengelakan cukai pelancongan, fraud

42. (1) Mana-mana orang yang dengan niat untuk mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak cukai pelancongan—

- (a) meninggalkan daripada suatu penyata apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungannya untuk memungut cukai pelancongan atau amaun cukai pelancongan yang dipungut;
- (b) membuat apa-apa pernyataan palsu atau catatan palsu dalam mana-mana penyata yang dikemukakan, atau tuntutan atau permohonan yang dibuat, di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) memberikan apa-apa jawapan palsu sama ada secara bertulis atau selainnya kepada apa-apa soalan yang ditanya atau permintaan bagi maklumat yang dibuat mengikut peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) menyediakan atau menyenggara, atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan, apa-apa buku akaun palsu, invois palsu atau rekod palsu lain, atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan apa-apa buku akaun, invois atau rekod; atau
- (e) membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen ini dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau catatan palsu, sama ada secara peninggalan atau selainnya, telah dibuat dalam apa-apa penyata yang dikemukakan, atau tuntutan atau permohonan yang dibuat, di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam apa-apa buku akaun, invois atau rekod lain yang disenggara oleh

atau bagi pihak mana-mana orang, orang itu hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya telah membuat pernyataan palsu atau catatan palsu itu dengan niat untuk mengelak cukai pelancongan.

(3) Apa-apa sebutan dalam seksyen ini tentang seseorang yang membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah untuk mengelak cukai pelancongan termasuklah sebutan tentang seseorang yang, tanpa kebenaran Ketua Pengarah atau seorang pegawai kanan kastam—

(a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasikan data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer;

(b) memasukkan ke dalam, atau merakamkan atau menyimpan dalam, suatu komputer dengan apa-apa cara data bagi maksud—

(i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasikan data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau

(ii) mengusik, mengganggu atau menghalang penggunaan sah suatu komputer, atau data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau

(c) selainnya menggunakan suatu komputer,

yang maksud atau kesannya adalah untuk mengelak cukai pelancongan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), “data” termasuklah apa-apa program komputer atau sebahagian daripada suatu program komputer.

Penalti bagi keengganan untuk menjawab soalan atau memberikan maklumat palsu

43. (1) Mana-mana orang, yang dikehendaki di bawah Akta ini untuk memberikan apa-apa maklumat yang dengan munasabah boleh dikehendaki oleh pegawai kastam yang adalah dalam kuasanya untuk memberi, yang enggan untuk memberikan maklumat itu atau mengemukakan sebagai benar maklumat yang diketahuinya palsu atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai

palsu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Apabila apa-apa maklumat itu dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul pada keseluruhannya atau sebahagiannya, tidaklah menjadi suatu pembelaan untuk mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagian maklumat itu telah dikemukakan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud, atau disalahtafsirkan atau tidak ditafsirkan sepenuhnya oleh seorang jurubahasa yang disediakan oleh pemberi maklumat itu.

Percubaan dan pensubahatan

44. Mana-mana orang yang cuba untuk melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini, atau bersubahat untuk melakukan kesalahan itu, boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Penalti am

45. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh kumpulan orang, dsb.

46. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu syarikat, suatu firma, suatu pertubuhan, suatu persatuan atau kumpulan orang yang lain, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu

dalam pengurusan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan.

Kesalahan oleh pekerja atau ejen

47. (1) Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja orang itu dalam perjalanan pekerjaannya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh pekerja ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

(2) Tiada apa-apa jua di bawah subseksyen (1) boleh membebaskan seseorang ejen, pegawai atau pekerja daripada apa-apa tanggungan bagi suatu kesalahan.

Cukai pelancongan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

48. Permulaan prosiding atau penganan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 56 tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IX

PERBICARAAN DAN PROSIDING

Pendakwaan

49. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

50. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi kesalahan itu.

Sabitan di bawah undang-undang lain

51. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang pendakwaan, sabitan dan hukuman terhadap mana-mana orang mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

Peruntukan keterangan

52. (1) Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini apa-apa pernyataan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah yang menjadi sebahagian daripada atau yang dilampirkan kepada maklumat, aduan atau pernyataan tuntutan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

(2) Suatu transkrip mengenai apa-apa butir yang terkandung dalam suatu penyata atau dokumen lain yang berhubungan dengan cukai pelancongan, jika ia diperaku dengan ditandatangani sendiri oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah sebagai suatu salinan benar butir-butir itu, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

(3) Tiada pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang boleh tidak diterima dalam keterangan terhadap orang itu dalam apa-apa prosiding terhadapnya yang seksyen ini terpakai baginya, semata-mata oleh sebab fakta bahawa dia telah atau mungkin telah didorong untuk membuat pernyataan atau mengemukakan dokumen itu disebabkan oleh apa-apa dorongan, janji atau ugutan yang dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi di bawah, atau dilantik bagi pentadbiran wajar, Akta ini.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan pelaksanaan Bab IX Bahagian III Akta Keterangan 1950.

(5) Jika dalam apa-apa prosiding dibuktikan bahawa apa-apa pernyataan atau catatan palsu telah dibuat dalam apa-apa penyata yang dikemukakan di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam apa-apa buku akaun atau rekod mana-mana orang—

(a) orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu, atau telah menyebabkan pernyataan atau catatan palsu itu dibuat, atau telah membenarkan pernyataan atau catatan palsu itu dibuat, dengan niat untuk mengelak pembayaran cukai pelancongan atau untuk memperoleh bayaran balik cukai pelancongan yang orang itu tidak berhak kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) mana-mana orang lain yang membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu dengan niat untuk membantu orang yang mula-mula disebut untuk mengelak pembayaran cukai pelancongan atau untuk memperoleh pembayaran balik cukai pelancongan yang dia tidak berhak kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Jika mana-mana pegawai kastam telah memperoleh apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, dokumen atau salinan dokumen atau keterangan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya, walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Jika apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertai dengan suatu perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak mana-mana pegawai kastam.

(8) Subseksyen (7) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperoleh oleh mana-mana pegawai kastam di dalam atau di luar Malaysia.

Nilai keterangan salinan notis elektronik

53. (1) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik bagi suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya tidak boleh tidak diterima dalam keterangan hanya atas asas bahawa ia telah difailkan, dikemukakan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik, tanpa penghantarserahan apa-apa dokumen atau kaunterpart yang sama dalam bentuk kertas.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik bagi suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya yang—

- (a) diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi semua atau apa-apa maklumat yang difailkan, dikemukakan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik mengikut Akta ini; dan
- (b) disahkan dengan sewajarnya mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 63 atau selainnya disahkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi pengesahan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pemenjaraan kerana tidak membayar denda

54. Walau apa pun peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, tempoh pemenjaraan yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa denda yang tidak dibayar di bawah Akta ini, atau berkenaan dengan keingkaran suatu distres yang memadai untuk membayar apa-apa denda sedemikian, adalah apa-apa tempoh

mengikut perihalan yang pada pendapat mahkamah akan memberi keadilan bagi kes itu, tetapi tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi tempoh maksimum yang berikut:

- (a) jika denda itu tidak melebihi lima ribu ringgit, tempoh maksimum ialah dua bulan;
- (b) jika denda itu melebihi lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, tempoh maksimum ialah empat bulan; atau
- (c) jika denda itu melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua puluh ribu ringgit, tempoh maksimum ialah enam bulan,

dengan dua bulan tambahan bagi tiap-tiap sepuluh ribu ringgit selepas dua puluh ribu ringgit yang pertama denda itu.

Tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada penyitaan boleh didapatkan balik melainkan jika penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali

55. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang yang disita pada perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relif lain selain suatu perintah bagi pemulangan barang itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali.

Pengkompaunan kesalahan

56. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.

(2) Ketua Pengarah atau seseorang pegawai kanan kastam boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

Perintah mahkamah

57. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar atau apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh Ketua Pengarah dan cukai pelancongan atau penalti itu hendaklah didapatkan balik mengikut cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun itu dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan sebagai suatu keputusan muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan jika dia telah membayar amaun cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini menurut seksyen 48, berkenaan dengan kesalahan yang dipertuduh, mahkamah boleh memerintahkan supaya amaun yang telah dibayar itu dibayar balik kepada orang itu melainkan jika suatu notis rayuan terhadap keputusan itu difailkan dalam masa yang ditentukan.

Obligasi kerahsiaan

58. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 59, nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat seseorang pemberi maklumat atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada identiti pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang diterima daripada seseorang pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai kastam atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa tugasnya memperoleh atau mempunyai kawalan atau akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

59. (1) Kecuali sebagaimana yang kemudian daripada ini diperuntukkan, tiada seorang saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama, alamat atau apa-apa maklumat seseorang pemberi maklumat atau kandungan maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Sekiranya apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dikemukakan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu

diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadam setakat yang perlu bagi melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah, selepas penyiasatan penuh mengenai kes itu, mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya sesuatu pernyataan penting yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya antara pihak tanpa diketahui pemberi maklumat itu, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan pemeriksaan, dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Orang yang terikat untuk mengemukakan buku, dsb., atau memberi maklumat, dsb.

60. (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai maklumat tentang apa-apa perkara yang menjadi kewajipan seorang pegawai kastam untuk menyiasat hendaklah, apabila dikehendaki oleh pegawai kastam itu untuk berbuat demikian, memberikan maklumat itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam untuk mengemukakan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang orang itu berkuasa untuk mengemukakan, dan yang merupakan buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang dikehendaki di bawah Akta ini atau buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang digunakan dalam apa-apa transaksi atau perkara lain yang berhubungan dengan cukai pelancongan atau buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang menjadi kewajipan pegawai kastam untuk menyiasat di bawah Akta ini, hendaklah mengemukakan buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain itu.

(3) Jika apa-apa maklumat, buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain bukan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kastam boleh

melalui notis secara bertulis menghendaki pengendali atau, atas keingkaran pengendali, mana-mana orang lain, untuk mengemukakan, dalam tempoh yang munasabah, suatu terjemahan mengenainya dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah atau pegawai kastam itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penyampaian notis, dsb.

61. (1) Tiap-tiap notis, arahan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

- (a) secara kediri kepada orang itu;
- (b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar; atau
- (c) melalui perkhidmatan elektronik.

(2) Suatu notis, arahan atau dokumen lain yang dihantar kepada seseorang melalui pos berdaftar hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa yang ia akan dihantarserahkan kepada orang itu dalam perjalanan biasa pos jika notis, arahan atau dokumen lain itu dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain—
 - (i) ke pejabat berdaftaranya;
 - (ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau
 - (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan
- (b) dalam hal seseorang individu, ke alamatnya yang terakhir diketahui.

(3) Jika seseorang telah memberi persetujuannya bagi suatu notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa apabila notis elektronik itu dihantar ke akaunnya melalui perkhidmatan elektronik.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

62. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi—

- (a) pemfailan atau pengemukakan apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain; dan
- (b) penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain.

(2) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan apa jua sifat atau bagaimana sekali pun berbangkit yang terdapat dalam apa-apa notis elektronik yang diperoleh oleh pengguna berdaftar itu di bawah perkhidmatan elektronik jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa pelaksanaan kewajipan sebagai Ketua Pengarah atau berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan atau dalam peralatan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan itu.

(3) Apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan, dikemukakan atau disampaikan pada masa notis elektronik itu diterima oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pengguna berdaftar” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk mendapat akses kepada dan menggunakan perkhidmatan elektronik itu.

Pengesahan notis, dsb.

63. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah adalah disahkan dengan secukupnya jika nama dan jawatan Ketua Pengarah dicetak, dicap atau selainnya ditulis atasnya.

(2) Jika Akta ini memperuntukkan bagi suatu notis atau apa-apa dokumen lain ditandatangani sendiri oleh mana-mana pegawai kastam, notis atau dokumen lain itu hendaklah ditandatangani dalam manuskrip oleh pegawai kastam itu.

(3) Suatu notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini dan berupa sebagai ditandatangani dalam manuskrip oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah ditandatangani sedemikian.

Bayaran pos percuma

64. Semua penyata dan peremitan cukai pelancongan dan apa-apa surat-menyurat yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa penyata atau peremitan boleh, jika dipos dalam Malaysia, dihantar secara percuma kepada Ketua Pengarah dalam sampul surat bertanda “Cukai Pelancongan”.

Penjalanan urusan bagi pihak pengendali

65. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa urusan berhubung dengan Akta ini bagi pihak seseorang pengendali, kecuali tentang perkara yang berkaitan dengan—

(a) pembayaran balik;

(b) peremitan;

(c) pengecualian; atau

(d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang yang menjalankan urusan tentang mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi pihak seseorang pengendali hendaklah—

- (a) mengemukakan surat kebenaran daripada pengendali yang diwakilinya; dan
- (b) jika mana-mana borang yang ditetapkan dikehendaki supaya diserahkan bagi maksud perkara yang dijalankan, mengemukakan borang itu yang telah ditandatangani oleh pengendali, kecuali jika dibenarkan selainnya oleh pegawai kanan kastam.

Borang yang hendak digunakan

66. (1) Jika apa-apa borang telah ditetapkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, bagi maksud Akta ini, menggunakan apa-apa borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kuasa Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, membenarkan mana-mana orang untuk menggunakan borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sebagaimana yang disebut terdahulu atau penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui perkhidmatan elektronik.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pertikaian dan rayuan

67. Jika mana-mana orang mempertikaikan keputusan seseorang pegawai kastam, orang itu boleh merayu kepada Ketua Pengarah yang keputusannya bagi pertikaian itu adalah muktamad.

Penyelesai syarikat hendaklah memberikan notis penggulungan, dan mengasingkan cukai pelancongan

68. (1) Jika selepas Akta ini diluluskan suatu ketetapan yang berkuat kuasa diluluskan atau suatu perintah dibuat bagi penggulungan suatu syarikat yang berdaftar di bawah seksyen 12, penyelesai syarikat itu hendaklah memberikan notis berkenaan dengannya

kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas ketetapan itu diluluskan atau perintah itu dibuat, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset syarikat itu mengasingkan suatu jumlah wang daripada aset itu sebagaimana yang ternyata pada Ketua Pengarah adalah mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai pelancongan yang adalah atau akan selepas itu menjadi kena dibayar berkenaan dengan penginapan yang telah disediakan syarikat itu, dan hendaklah membayar cukai pelancongan itu.

(2) Seseorang penyelesaian bagi mana-mana syarikat itu yang gagal memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau gagal mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai pelancongan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah bertanggungjawab sendiri bagi apa-apa cukai pelancongan yang adalah atau menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana penyelesaian yang gagal mematuhi subseksyen (1), melakuvkan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai penyelesaian atau dikehendaki oleh undang-undang untuk menjalankan penggulungan mana-mana syarikat itu, obligasi dan liabiliti yang dikenakan kepada seseorang penyelesaian di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak pencaruman antara mereka bagi hal kontrak.

Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

69. (1) Jika seseorang penerima dilantik bagi harta seseorang pengendali yang berdaftar di bawah seksyen 12, penerima itu hendaklah memberikan notis mengenainya kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas pelantikan itu dibuat, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset pengendali itu mengasingkan suatu jumlah wang daripada aset sebagaimana yang ternyata pada Ketua Pengarah adalah mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai pelancongan yang adalah atau akan selepas itu menjadi kena dibayar berkenaan dengan penginapan yang telah disediakan oleh pengendali itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah membayar cukai pelancongan itu.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penerima yang gagal memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau gagal untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai pelancongan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen itu hendaklah bertanggung sendiri bagi apa-apa cukai pelancongan yang adalah atau menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana penerima yang gagal mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai penerima, obligasi dan liabiliti yang dikenakan kepada seseorang penerima di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak pencaruman antara mereka bagi hal kontrak.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

70. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan pendaftaran pengendali;
- (b) untuk menetapkan pejabat bagi pentadbiran cukai pelancongan dan bagi hari dan masa apabila pejabat boleh dibuka untuk urusan;
- (c) untuk menetapkan borang yang hendak digunakan di bawah dan bagi maksud yang berkaitan dengan Akta ini;
- (d) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalti yang tidak melebihi denda sebanyak tiga puluh ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan
- (e) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan elektronik.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan 2017 yang dicadangkan ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan cukai pelancongan ke atas pelancong yang menginap di premis pelancongan dan pemungutan cukai pelancongan itu oleh orang yang mengendalikan premis penginapan. Pelancong dan premis pelancongan yang dirujuk dalam Akta yang dicadangkan ditakrifkan dalam Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan tentang perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa yang berlainan bagi Bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pentadbiran.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai pelancongan. Ia juga bertujuan memberi Ketua Pengarah dan semua pegawai kastam kuasa untuk menguatkuasakan semua peruntukan Akta yang dicadangkan ini. Kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah boleh dilaksanakan oleh pegawai kastam yang berpangkat Superintendan atau apa-apa pangkat yang lebih tinggi daripada Superintendan kecuali kuasa yang diberi oleh seksyen 21 dan 66.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk menyifatkan semua pegawai awam semasa melaksanakan apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai pelancongan sebagai perkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].
8. *Fasal 5* bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap pegawai kastam memperkenalkan diri mereka semasa melaksanakan kewajipan mereka dan mana-mana orang boleh menolak perintah yang dibuat oleh pegawai kastam itu jika mereka tidak memperkenalkan diri mereka.

BAHAGIAN III

9. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengenaan cukai pelancongan ke atas pelancong.

10. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan dan mendapatkan secara levi cukai pelancongan ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seseorang pengendali. Kadar cukai pelancongan akan ditetapkan oleh Menteri mengikut *fasal 8* Akta yang dicadangkan. Cukai pelancongan itu hendaklah dibayar oleh salah seorang daripada pelancong yang menginap dalam penginapan yang sama pada masa yang sama dan menjadi kewajipan pelancong itu untuk membayar cukai pelancongan kepada pengendali.

11. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan pengendali untuk memungut cukai pelancongan daripada pelancong dan tiap-tiap pengendali hendaklah membayar cukai pelancongan yang dipungut atau bertanggung untuk dipungut kepada Ketua Pengarah.

12. *Fasal 8* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan kadar cukai pelancongan yang dikenakan dan dilevikan ke atas pelancong melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*. Kadar cukai pelancongan ditetapkan dengan persetujuan Menteri yang dipertanggung dengan tanggungjawab bagi pelancongan. Perintah itu hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat.

13. *Fasal 9* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana pelancong atau golongan pelancong daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada cukai pelancongan, atau untuk mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada memungut keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada cukai pelancongan, untuk mengecualikan mana-mana pengendali atau golongan pengendali daripada kehendak untuk berdaftar di bawah Bahagian IV Akta yang dicadangkan, atau untuk mengecualikan mana-mana orang daripada keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini.

BAHAGIAN IV

14. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran pengendali.

15. *Fasal 10* dan *11* bertujuan untuk memperuntukkan tanggungan pengendali untuk memohon kepada Ketua Pengarah untuk berdaftar. Permohonan hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh seseorang pengendali mengendalikan premis penginapan. Bagi pengendali yang sedia ada, permohonan hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Bahagian ini. Apa-apa pelanggaran kepada kehendak itu menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau pemenjaraan untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau lebih.

16. *Fasal 12* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mendaftarkan mana-mana pengendali yang membuat permohonan untuk berdaftar atau mana-mana pengendali yang tidak membuat permohonan tersebut termasuklah pengendali yang mengendalikan premis penginapan yang berdaftar sebagai premis penginapan pelancong di bawah seksyen 31C Akta Industri Pelancongan 1992.

17. *Fasal 13* bertujuan untuk menghendaki seseorang pengendali untuk memberitahu Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari apabila pengendali itu terhenti mengendalikan premis penginapan atau dikecualikan di bawah seksyen 9 Akta yang dicadangkan. Setelah menerima pemberitahuan itu, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran yang dibuat oleh pengendali daripada tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V

18. Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan invois, rekod, penyata dan taksiran.

19. *Fasal 14* bertujuan untuk menghendaki pengendali untuk mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain yang menyatakan kadar dan amaun cukai pelancongan yang perlu dibayar berasingan daripada caj bagi penginapan yang disediakan oleh pengendali itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk melarang bukan pengendali daripada mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain yang menunjukkan amaun yang dikatakan sebagai cukai pelancongan. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan.

20. *Fasal 15* bertujuan untuk membenarkan suatu invois, resit atau dokumen lain untuk dihantar atau dijadikan tersedia dengan cara elektronik.

21. *Fasal 16* bertujuan untuk menghendaki seseorang pengendali untuk membuat pelarasan dalam penyatanya jika dia mengeluarkan nota kredit atau nota debit.

22. *Fasal 17* bertujuan untuk menghendaki seseorang pengendali untuk menyimpan rekod berhubung dengan tanggungan cukai pelancongan dalam Malaysia sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris selama tujuh tahun. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan.

23. *Fasal 18* bertujuan untuk memberikan tempoh bercukai bagi pengendali adalah selama tiga bulan atau suatu tempoh yang sama dengan tempoh bercukai yang diberi kepadanya bagi maksud Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], sekiranya pengendali itu telah diberikan suatu tempoh bercukai bagi maksud Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

24. *Fasal 19* bertujuan untuk menghendaki seseorang pengendali untuk mengakaunkan cukai pelancongan dalam penyata dan mengemukakannya dalam masa yang ditetapkan. *Fasal* ini juga menghendaki seseorang pengendali untuk membayar cukai pelancongan dan untuk mengemukakan penyata sama ada terdapat cukai pelancongan yang kena dibayar atau tidak. Ia juga memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan. *Fasal* ini juga memperuntukkan penalti sehingga 90 hari perlu dibayar oleh pengendali yang gagal membayar keseluruhan atau sebahagian cukai pelancongan yang genap masa dalam tempoh yang ditetapkan jika tiada pendakwaan dimulakan.

25. *Fasal 20* bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mentaksir amaun cukai pelancongan dan penalti yang kena dibayar jika pengendali gagal memohon untuk pendaftaran, gagal untuk mengemukakan penyata atau mengemukakan penyata yang tidak lengkap atau tidak betul. *Fasal* ini menghadkan rangka masa tidak melebihi enam tahun selepas berakhirnya suatu tempoh bercukai untuk Ketua Pengarah membuat taksiran melainkan dalam kes-kes fraud. Ia juga membenarkan Ketua Pengarah membuat taksiran jika cukai pelancongan telah dibayar tetapi tiada penyata dikemukakan atau orang itu gagal mengemukakan penyata bagi mana-mana tempoh bercukai kemudian. Ketua Pengarah boleh meningkatkan amaun cukai pelancongan yang ditaksirkan dalam kes di mana pengendali membayar cukai pelancongan mengikut amaun yang ditaksirkan tetapi berterusan gagal mengemukakan penyata. *Fasal* ini selanjutnya menyifatkan amaun yang ditaksirkan sebagai cukai pelancongan dan penalti yang betul yang kena dibayar oleh pengendali melainkan taksiran itu kemudiannya ditarik balik atau dikurangkan. *Fasal* ini juga membenarkan Ketua Pengarah untuk membuat taksiran tambahan yang melebihi taksiran terdahulu dan meminda taksiran untuk memastikan ketepatan taksirannya.

BAHAGIAN VI

26. Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peremitan, pembayaran balik dan mendapatkan balik.

27. *Fasal 21* bertujuan untuk membenarkan Menteri meremitkan semua atau apa-apa bahagian cukai pelancongan dan Ketua Pengarah untuk meremitkan semua atau apa-apa bahagian penalti, surcaj atau mana-mana wang lain yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta yang dicadangkan. Ia juga mengadakan peruntukan bagi pembayaran balik amaun cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang diremitkan jika orang itu telah membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain.

28. *Fasal 22* bertujuan untuk membenarkan seseorang yang terlebih bayar mana-mana cukai pelancongan, penalti, surcaj atau mana-mana wang lain untuk menuntut bayaran balik dalam masa enam tahun dari tarikh pembayaran lebih atau pembayaran tersilap itu berlaku Ketua Pengarah boleh membayar balik cukai pelancongan, penalti, surcaj atau mana-mana wang lain itu jika dia berpuas hati bahawa pembayaran lebih itu telah berlaku. *Fasal* ini selanjutnya memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik jika pembayaran balik itu boleh dengan tidak patut mengayak orang yang membuat tuntutan itu. Apa-apa tuntutan hendaklah disokong dengan keterangan sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

29. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi seseorang untuk berhak kepada tuntutan hutang lapuk sekiranya dia tidak menerima bayaran dalam masa yang ditetapkan berhubung dengan penginapan yang disediakan olehnya dan dia telah membuat usaha yang mencukupi untuk mendapatkan hutang itu. Seseorang yang berhak kepada tuntutan hutang lapuk boleh menuntut bagi keseluruhan amaun cukai pelancongan jika dia tidak menerima apa-apa bayaran bagi penginapan dan bagi perbezaan antara cukai pelancongan yang

dibayar dengan sebahagian bayaran yang diterima jika dia telah menerima sebahagian bayaran bagi penginapan yang kurang daripada cukai pelancongan yang dibayar. Walau bagaimanapun, orang itu tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik jika sebahagian bayaran yang diterima adalah bersamaan atau lebih daripada amaun cukai pelancongan yang telah dibayar.

30. *Fasal 24* bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk meluluskan apa-apa permohonan oleh pengendali untuk memotong dari semasa ke semasa daripada penyata cukai pelancongannya amaun cukai pelancongan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dibayar balik kepada pelanggannya oleh sebab pembatalan penginapan atau sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dalam masa setahun selepas pembayaran itu dibuat atau tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

31. *Fasal 25* bertujuan untuk menghendaki orang yang memegang atau berhutang wang kepada seseorang pengendali untuk membayar kepada Ketua Pengarah sekiranya pengendali itu berhutang cukai pelancongan, penalti atau surcaj atau wang lain apabila suatu notis bertulis telah dibuat kepada orang itu. Bayaran yang dibuat oleh orang itu disifatkan sebagai bayaran yang dibuat bagi pihak pengendali.

32. *Fasal 26* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membenarkan mana-mana cukai pelancongan atau penalti yang belum dibayar untuk dibayar secara ansuran dan jika cukai pelancongan dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti tidak akan terpakai ke atas cukai pelancongan yang belum dibayar itu. Surcaj sepuluh peratus hendaklah dikenakan ke atas amaun tertunggak sekiranya terdapat kemungkiran dalam pembayaran mana-mana ansuran dan amaun tertunggak bersama-sama dengan surcaj hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar pada tarikh kemungkiran itu berlaku.

33. *Fasal 27* bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah meminta mana-mana Pengarah Imigresen untuk menghalang mana-mana orang daripada meninggalkan negara jika orang itu berhutang cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain. Pengarah Imigresen boleh menahan dokumen perjalanan jika permintaan telah dibuat oleh Ketua Pengarah. *Fasal* ini menghendaki Ketua Pengarah memberi notis kepada orang itu yang memaklumkan bahawa dia dihalang daripada meninggalkan negara dan apa-apa tidak penerimaan notis itu tidak menghalang Pengarah Imigresen daripada melaksanakan kewajibannya. Seseorang dibenarkan untuk meninggalkan negara jika dia boleh menunjukkan bukti bahawa cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang berhutang telah dibayar atau dia telah mengemukakan jaminan yang mencukupi untuk membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang berhutang.

34. *Fasal 28* bertujuan membenarkan Ketua Pengarah untuk mendapatkan balik cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain yang tersilap dibayar balik dalam masa enam tahun dari tarikh pembayaran balik itu dibuat.

35. *Fasal 29* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mendapatkan balik apa-apa cukai pelancongan yang genap masa dan kena dibayar kepada kerajaan dan apa-apa penalti, surcaj atau wang lain yang kena dibayar sebagai hutang sivil

kepada Kerajaan. Pengeluaran suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah hendaklah diambil sebagai keterangan yang mencukupi bagi prosiding mahkamah. *Fasal* ini mengira penalti dan surcaj sebagai cukai pelancongan dan mengetepikan had masa yang dikenakan ke atas kutipan penalti di bawah Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] dan Ordinan Had Masa Sarawak [*Sarawak Bab 49*].

36. *Fasal 30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mendapat balik apa-apa amaun yang dikatakan sebagai cukai pelancongan walaupun invois, resit atau dokumen lain itu bukanlah suatu invois, resit atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah seksyen 14, atau orang yang mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain itu bukanlah seorang pengendali atau invois, resit atau dokumen lain itu dikeluarkan oleh seorang pengendali bagi suatu produk atau perkhidmatan selain daripada penginapan.

37. *Fasal 31* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan pengarah syarikat, pekongsi firma atau anggota jawatankuasa pertubuhan untuk membayar apa-apa cukai, penalti atau surcaj yang belum dibayar.

BAHAGIAN VII

38. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan.

39. *Fasal 32* memperuntukkan bahawa pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai kuasa seorang pegawai polis yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] bagi maksud penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan di bawah Akta yang dicadangkan ini.

40. *Fasal 33* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai akses yang penuh dan bebas ke mana-mana tempat atau premis yang berhubungan dengan perniagaan premis penginapan. *Fasal* ini menghendaki pengendali dan mana-mana orang yang lain yang hadir di tempat atau premis itu untuk membantu pegawai kanan kastam dalam menjalankan kewajipannya.

41. *Fasal 34* bertujuan untuk memberi pegawai kastam akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer sama ada di simpan dalam sebuah komputer atau sebaliknya.

42. *Fasal 35* bertujuan untuk membenarkan Majistret mengeluarkan waran geledah jika terdapat sebab munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan.

43. *Fasal 36* bertujuan untuk membenarkan suatu penggeledahan dibuat tanpa waran apabila terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain atau benda yang boleh memberi keterangan tentang suatu kesalahan akan dialihkan disebabkan oleh kelewatan mendapatkan waran geledah.

44. *Fasal 37* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyitaan buku, data, dokumen atau rekod lain atau benda berhubung dengan suatu kesalahan. Pegawai kastam dikehendaki memberi notis bertulis mengenai apa-apa penyitaan kepada tuan punya buku, data, dokumen atau rekod lain atau benda itu. *Fasal* ini juga menetapkan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan penyitaan hendaklah terpakai kepada apa-apa yang terkandung dalam bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang dalamnya buku, data, dokumen atau rekod lain atau benda dijumpai dan kepada apa-apa benda yang digunakan untuk menyembunyikannya.

45. *Fasal 38* bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang memberi mana-mana pegawai kastam kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau mencuba untuk melakukan atau mengambil khidmat atau membantu mana-mana orang melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini, mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah mempunyai dalam milikannya apa-apa buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain yang boleh disita di bawah Akta yang dicadangkan ini atau mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini. Mana-mana pegawai kastam yang membuat tangkapan hendaklah membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis terdekat tanpa kelengahan yang tidak perlu. *Fasal* ini seterusnya memperuntukkan kuasa untuk menahan mana-mana orang yang boleh ditangkap tetapi tidak ditangkap pada masa kesalahan dilakukan atau orang yang telah melepaskan diri selepas tangkapan dibuat seolah-olah orang yang melakukan kesalahan itu telah ditangkap pada masa kesalahan dibuat. Orang yang ditangkap itu boleh dilepaskan daripada jagaan jika dia telah menandatangani suatu jumlah wang yang munasabah atau menyempurnakan suatu bon dengan penjamin atau menandatangani suatu bon dengan penjamin. Orang yang telah dilepaskan daripada jagaan boleh ditangkap tanpa waran jika terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat untuk orang itu dilepaskan telah atau berkemungkinan dilanggar atau setelah diberitahu oleh penjamin bahawa dia berhasrat untuk melepaskan dirinya daripada kewajibannya sebagai penjamin.

BAHAGIAN VIII

46. Bahagian VIII memperkatakan pelbagai kesalahan dan hukuman di bawah Akta yang dicadangkan.

47. *Fasal 39* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menghalang seseorang pegawai kastam.

48. *Fasal 40* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat penyata yang tidak betul.

49. *Fasal 41* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kesalahan dan penalti bagi pemungutan cukai pelancongan oleh mana-mana orang yang tidak bertanggung di bawah Akta yang dicadangkan untuk mengutip cukai pelancongan.

50. *Fasal 42* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengelak cukai pelancongan.

51. *Fasal 43* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan keengganan menjawab soalan atau memberi maklumat palsu.

52. *Fasal 44* bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan bahawa percubaan untuk melakukan suatu kesalahan atau persubahatan untuk melakukan suatu kesalahan boleh dihukum dengan hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

53. *Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penalti am.

54. *Fasal 46* memperkatakan kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.

55. *Fasal 47* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan mana-mana orang bagi kesalahan yang dilakukan oleh pekerjaanya atau ejen atau pekerja ejennya.

56. *Fasal 48* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan seseorang untuk membayar cukai pelancongan, penalti, surcaj atau wang lain walau apa pun pemulaan suatu prosiding, pengenaan penalti, denda atau pemenjaraan atau pengkompaunan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IX

57. Bahagian IX memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan perbincangan dan prosiding.

58. *Fasal 49* memperuntukkan tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dimulakan melainkan oleh atau dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

59. *Fasal 50* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan untuk memberi hukuman bagi kesalahan itu.

60. *Fasal 51* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan tidak menghalang pendakwaan, pensabitan dan hukuman seseorang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

61. *Fasal 52* memperuntukkan bahawa apa-apa keterangan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, apa-apa transkrip mengenai butir-butir berkenaan dengan cukai pelancongan diperakui sebagai suatu salinan benar oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa dan apa-apa keterangan yang diperoleh oleh seseorang pegawai kastam semasa melaksanakan kuasanya di bawah Akta yang dicadangkan ini hendaklah menjadi suatu keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya. *Fasal 52* selanjutnya memperuntukkan bagi penerimaan dalam keterangan apa-apa pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan dengan dorongan, janji atau ugutan yang dibuat oleh orang yang melakukannya di bawah Akta yang dicadangkan ini dan apa-apa terjemahan dokumen dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang terjemahan itu diperakui oleh orang yang menterjemah dokumen itu bahawa terjemahan itu adalah tepat, benar dan betul.

62. *Fasal 53* memperkatakan tentang nilai keterangan notis elektronik. Suatu notis elektronik boleh diterima sebagai keterangan bagi suatu fakta yang dinyatakan dalam notis itu jika notis elektronik itu diperakukan oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi semua maklumat dihantar melalui perkhidmatan elektronik dan telah disahkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Akta yang dicadangkan atau Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

63. *Fasal 54* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tempoh pemenjaraan yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan denda yang tidak dibayar.

64. *Fasal 55* bertujuan untuk tidak membenarkan apa-apa kos atau kerugian diberikan berkenaan dengan apa-apa benda yang disita melainkan penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali.

65. *Fasal 56* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, dengan persetujuan Pendakwa Raya untuk menetapkan melalui peraturan-peraturan kesalahan yang boleh dikompaun, kriteria bagi mengkompaun kesalahan dan tatacara bagi mengkompaun. *Fasal* ini selanjutnya memberi Ketua Pengarah atau pegawai kanan kastam kuasa untuk mengkompaun kesalahan dengan izin bertulis Pendakwa Raya.

66. *Fasal 57* bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan seseorang untuk membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai pelancongan atau penalti jika dia bersalah bagi suatu kesalahan dan cukai pelancongan atau penalti itu boleh didapatkan balik dengan cara yang sama dengan denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

67. *Fasal 58* memperkatakan tentang tanggungjawab kerahsiaan yang berhubung dengan maklumat yang boleh membawa kepada identiti seorang pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang diterima daripada seorang pemberi maklumat kecuali sekiranya maklumat itu didedahkan kepada pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

68. *Fasal 59* bertujuan untuk menghendaki seorang saksi untuk tidak mendedahkan maklumat yang berhubung dengan seorang pemberi maklumat yang boleh membawa kepada pemberi maklumat itu dikesan. Ia juga mengadakan peruntukan bagi suatu catatan dalam buku, dokumen atau kertas untuk disembunyikan atau dipadamkan bagi melindungi pemberi maklumat daripada dikesan semasa pemeriksaan buku, dokumen atau kertas dalam prosiding dan membenarkan mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal atau pendedahan penuh mengenai pemberi maklumat jika mahkamah mendapati pemberi maklumat itu telah membuat pernyataan palsu yang material atau keadilan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya tanpa diketahui pemberi maklumat itu.

BAHAGIAN X

69. Bahagian X memperkatakan tentang peruntukan pelbagai.

70. *Fasal 60* menghendaki seseorang untuk memberi maklumat, mengemukakan buku, data, dokumen atau rekod atau benda lain dan untuk menyediakan terjemahan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam.

71. *Fasal 61* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cara penyampaian notis.

72. *Fasal 62* bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah untuk menyediakan perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi urusan tertentu dan membebaskan Ketua Pengarah daripada apa-apa tanggungan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna berdaftar perkhidmatan elektronik.

73. *Fasal 63* memperkatakan tentang pengesahan notis dan dokumen lain.

74. *Fasal 64* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai bayaran pos percuma bagi semua penyata dan dokumen berkaitan yang dihantar kepada Ketua Pengarah.

75. *Fasal 65* memperkatakan tentang urusan perniagaan berhubung dengan Akta yang dicadangkan bagi pihak seseorang pengendali melainkan mengenai pembayaran balik, peremitan, pengecualian atau perkara lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah. *Fasal* ini juga menghendaki orang yang berurusan bagi pihak seseorang pengendali untuk mengemukakan surat kuasa daripada pengendali itu dan menyerahkan borang yang ditetapkan yang telah ditandatangani oleh pengendali melainkan jika dibenarkan sebaliknya.

76. *Fasal 66* bertujuan menghendaki supaya hanya borang yang ditetapkan digunakan melainkan kebenaran telah diberikan oleh Ketua Pengarah untuk menggunakan borang lain selain daripada borang yang ditetapkan.

77. *Fasal 67* bertujuan membenarkan mana-mana orang yang terkilan untuk merayu terhadap keputusan pegawai kastam kepada Ketua Pengarah.

78. *Fasal 68* bertujuan untuk menghendaki penyelesaian sesebuah syarikat untuk memberikan notis kepada Ketua Pengarah mengenai penggulungan syarikat itu dalam tempoh yang dinyatakan dan untuk mengasingkan suatu amaun daripada aset syarikat bagi cukai pelancongan yang kena dibayar sebelum melupuskan aset syarikat dan seterusnya, untuk membayar cukai pelancongan itu. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi penyelesaian untuk bertanggung sendiri ke atas cukai pelancongan itu jika dia gagal memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan atau gagal membayar cukai pelancongan itu. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan dan dalam kes yang terdapat dua atau lebih penyelesaian yang dilantik, mereka hendaklah bertanggung bersesama dan berasingan bagi kewajipan dan tanggungan di bawah *fasal* ini.

79. *Fasal 69* bertujuan untuk membenarkan supaya pelantikan penerima syarikat diberitahu kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dan untuk mengasingkan suatu amaun daripada aset pengendali bagi cukai pelancongan yang kena dibayar sebelum melupuskan aset pengendali dan seterusnya, membayar cukai pelancongan itu. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi penerima bertanggung sendiri ke atas cukai pelancongan itu jika dia

gagal memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan atau gagal membayar cukai pelancongan itu. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan dan dalam kes yang terdapat dua atau lebih penerima yang dilantik, mereka hendaklah bertanggung bersesama dan berasingan bagi kewajipan dan tanggungan di bawah *fasal* ini.

80. *Fasal 70* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3061]